

## MUKADIMAH

## Wawancara

TJADA siapa yang dapat menafikan bahawa nama Tun Sulaiman Ninam Shah begitu sinonim dengan Perhimpunan Agung UMNO.

Apatah lagi beliau merupakan Pengerusi Tetap yang paling lama memegang jawatan iaitu 28 tahun.

Ekoran penglibatannya yang lama itu, ada yang menganggap Perhimpunan Agung UMNO ialah Sulaiman dan Sulaiman itu Perhimpunan Agung UMNO.

Justeru, apabila kelibatnya tidak kelihatan pada perhimpunan kali ini, ramai yang terasa kehilangannya yang turut digelar sebagai ensiklopedia bergerak UMNO.

Dalam satu wawancara bersama wartawan *Mingguan Malaysia*, AKMAR HISHAM MOKHLES di kediaman anaknya di Petaling Jaya, Sulaiman bercerita tentang perasaannya berhubung perhimpunan kali ini yang berakhir semalam.

Selama 27 tahun, Tun diketahui sebagai seorang yang tidak pernah gagal untuk mpengekusikan Perhimpunan Agung UMNO kecuali tahun ini atas alasan kesihatan. Bagaimana perasaan Tun tentang perkara ini?

**SULAIMAN:** Saya rasa sangat pilu. Sebelum ini saya kata pada ibu pejabat UMNO bahawa saya nak pergi juga. Bagi peluang untuk saya pengerusikan pada saat-saat akhir. Tetapi selepas saya fikir, jika saya pergi akan lebih menyusahkan. Kalau terjadi apa-apa hal pada saya, nanti menyusahkan orang. Saya juga rasa sangat dukacita tidak dapat hadir Perhimpunan Agung UMNO paling bersejarah ini.

Masa Tun dengar ucapan dasar Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kelmarin, apa perbezaan yang Tun lihat pada ucapan kali ini berbanding tahun-tahun lalu?

**SULAIMAN:** Kali ini ada banyak bezanya. Kalau ucapan ini dibuat 10 tahun lalu ia amat membina parti. Malah dari ucapan Dr. Mahathir kelmarin, kita dapat tahu bahawa masih ada lagi golongan pembelot dalam UMNO. Maknanya, masih ada orang yang tidak bersikap jujur kepada parti, bangsa, agama dan tanah air.

Istilah kesetiaan, nampaknya tiada pada diri mereka ini.

Apa yang perlu dilakukan pada pembelot ini?

**SULAIMAN:** Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan mengambilalih pucuk pimpinan parti perlu kikis unsur ini dengan membuang mereka daripada parti. Golongan pembelot ini tidak berguna. Mereka hanya tahu mengampu.

Siapakah sebenarnya pembelot dalam UMNO ini?

**SULAIMAN:** Mereka suka mere-

## demi memartabatkan UMNO

ka-reka cerita dan sebakannya. Mereka juga melaga-lagakan ahli. Mereka tidak ada niat langsung untuk memartabatkan bangsa, agama dan tanah air.

Ramai sebenarnya orang sebegini dalam UMNO.

Pada perhimpunan tahun lalu, Tun ada menyediakan ucapan penutup sebanyak lima muka surat tetapi tidak sempat membacakannya selepas kecoh pasal perletakan jawatan Dr. Mahathir. Apa sebenarnya yang Tun tulis dan nak nyatakan pada hari itu?

**SULAIMAN:** Saya hendak nyatakan seiak saya jadi Pengerusi Tetap pada tahun 1975, saya lihat Dr. Mahathir cergas dalam semua perkara. Dia juga seorang yang tegas. Orang yang macam ini layak untuk memimpin parti. Dia tegas macam Syed Jaafar Albar yang dulu pernah bertegas mempertahankan Singapura agar tidak terlepas daripada Malaysia. Orang yang macam Syed Jaafar Albar dan Dr. Mahathir ini sukar dicari ganti.

Sebagai seorang yang pernah berada di bawah empat Perdana Menteri, bagi Tun apa yang membezakau Dr. Mahathir dengan tiga Perdana Menteri yang lain?

**SULAIMAN:** Bezanya ada. Saya sudah bercampur dengan Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan Dr. Mahathir. Tiga

Perdana Menteri sebelum Dr. Mahathir adalah orang yang sederhana dalam pemerintahan. Mereka juga berjaya memerintah dengan aman dan damai.

Tetapi Dr. Mahathir ini lebih memandang jauh ke hadapan. Dia sedar tentang kelemahan yang ada pada dasar-dasar lama kerajaan. Pindaan yang ingin dibuat dalam ekonomi dan pendidikan menunjukkan apa yang sebenarnya dia tidak puas hati, begitu juga apa yang orang Melayu tidak puashati.

Sebagai seorang yang paling lama dan berpengalaman luas sebagai Pengerusi Tetap, apa petua terbaik untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut?

**SULAIMAN:** Kita hendaklah penyabar. Kita hendaklah dapat menangkap apa perkataan yang dikata oleh perwakilan dan ketiga faham apa sebenar tujuannya. Itu sebab kadang-kadang saya tegur perwakilan sebelum dia habis berucap. Lagi satu kita kena tegur perwakilan dengan cermat.

Bagaimana pula cara Tun mengendali perwakilan yang degil dari segi masa dan selalu meminta masa tambahan untuk meneruskan ucapannya.

**SULAIMAN:** Perwakilan macam ini memang ada. Kalau tak ada mereka ini, tak baik juga. Kurang meriah. Orang ramai faham apa tujuan dia.

Betul dia 'angkat' saya tetapi saya biasanya tetap dengan pendirian.

Komen Tun mengenai perjalanan perhimpunan kali ini?

**SULAIMAN:** Seperti yang saya jangka ia berjalan dengan lancar. Lagi pun ia tidak sekecoh tahun lalu kerana orang sudah tahu Dr. Mahathir akan herundur. Dulu orang menjerit-jerit kerana terkejut dengan pengumuman Dr. Mahathir. Kesejukan perwakilan dan ahli UMNO kali ini nyata berbeza dengan tahun lalu. Tahun lalu, semua orang terkejut kerana tidak menyangka Dr. Mahathir mahu meletakkan jawatan.

Pesanan Tun kepada ahli-ahli UMNO sebelum berundur sepenuhnya sebagai Pengerusi Tetap?

**SULAIMAN:** Bagi saya, orang UMNO dan orang Melayu hendaklah bersatu padu terutama sekali para veteran UMNO sendiri. Veteran UMNO ini sangat berguna kepada ahli-ahli parti. Dalam apa juga perjumpaan hendaklah jangan dilupa atau ditinggalkan veteran ini kerana merekalah yang memperjuangkan kemerdekaan, hak bangsa, agama dan tanah air kita. Kalau dilupakan veteran ini, kita umpama mahu membunuh UMNO. Kepada orang Melayu pula, walau apa pun orang buat pada kita, kita hendaklah patuh pada perjuangan UMNO kerana UMNO lah satu-satunya parti dapat mempertahankan hak orang Melayu.